

17 warga USIM sertai program GISO di Australia

SEREMBAN 10 Sept. - Seramai 15 mahasiswa dan dua pegawai pengiring Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakukan program Global Islamic Students Outreach (GISO) 2013 di Australia, baru-baru ini dengan membawa slogan 'satu misi, seribu pengalaman, sejuta kenangan'.

Aktiviti mengantarabangsakan USIM di pentas dunia itu juga membawa misi kembara kehidupan di 'Bumi Aussie' itu dalam program yang dianjurkan oleh Urusetia Latihan Pembangunan Mahasiswa (ULPM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM yang berlangsung selama lapan hari di Wollongong dan Sydney.

Itu adalah kesinambungan daripada program pengantarabangsakan ULPM sewaktu mengadakan Lawatan Mahabbah (LAMA'09) ke Korea Selatan pada tahun 2009; Misi Kemanusiaan: Mahasiswa

USIM Merentas ASEAN Kemboja dan Vietnam (2011), diikuti Program Misi Kembara Insani di Bandung, Indonesia (2012).

Pengerusi ULPM, Ahmad Faezi Syakir Mohd. Huri berkata, GISO merupakan inisiatif USIM untuk mewujudkan platform bersesuaian bagi pelajar melaksanakan program pengantarabangsakan dengan menjadikan elemen khidmat masyarakat sebagai pengisian utamanya ke negara yang dilawati.

"Bagi program GISO di Australia, ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk menyumbang dan berkongsi pembangunan masyarakat Islam dari segi kerohanian, intelektual dan jasmani.

"Pada masa yang sama membuat kajian dan rujukan pengurusan persatuan pelajar Malaysia di Australia dan mempromosikan USIM," katanya di sini baru-baru ini.

Menurutnya lagi, bersesuaian

dengan moto ULPM iaitu 'Perintis Mahasiswa Berkualiti', maka program ini adalah untuk melatih mahasiswa mengendalikan agenda pengantarabangsakan berskala besar seperti ini kerana ia tidak diajar secara khusus dalam kuliah.

"Di Australia, mahasiswa didedahkan kaedah mempelajari seni khat Arab di Masjid Darul Imaan di Sydney, mendalami adat perkahwinan masyarakat Arab Libya, berpeluang merasai suasana pembelajaran di Al-Faisal College serta lawatan mahabbah ke University of New South Wales dan University of Wollongong.

"Mahasiswa turut menyampaikan sumbangan al-Quran, kelengkapan solat dan buku ilmiah kepada Masjid Omar di Wollongong dan Masjid Darul Imaan di Sydney selain diberi pendedahan kehidupan masyarakat Islam minoriti di Australia," katanya.



PARA pelajar USIM menemubual salah seorang masyarakat Islam di Australia dalam program Global Islamic Students Outreach di Australia, baru-baru ini.